

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN LEBUHRAYA PERSEKUTUAN DI BAWAH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kos penyelenggaraan Lebuhraya Persekutuan yang telah dibelanjakan setakat tahun 2019, mengikut jenis kerja yang dibuat.
- b) Berapakah tempoh syarikat konsesi bagi penyelenggaraan laluan motosikal Lebuhraya Persekutuan dan nilai kontrak konsesi?
- c) Apakah penalti yang telah dikenakan ke atas syarikat konsesi sekiranya gagal membuat kerja penyelenggaraan?

JAWAPAN:

- a) Senarai kos penyelenggaraan Lebuhraya Persekutuan mengikut jenis kerja sehingga 30 Jun 2019 adalah seperti berikut:

i.	Berkala Pavemen	- RM220,000.00
ii.	Berkala Bukan Pavemen	- RM273,994.85
iii.	Kecemasan	- RM112,992.22
iv.	Rutin	- RM563,905.62
	Jumlah	- RM1,170,892.69
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, skop menyelenggara laluan motorsikal termasuk dalam skop menyelenggara jalan secara pukal. Pihak konsesi yang menyelenggara laluan motosikal Lebuhraya Persekutuan adalah syarikat Roadcare Sdn. Bhd. untuk tempoh 8 tahun dari tahun 2018 hingga 2026. Kontrak persekutuan ini tiada nilai tetapi ada kadar harga bagi kerja rutin, berkala pavemen, berkala bukan pavemen serta kecemasan. Konsesi diwajibkan untuk mengendalikan skop kerja rutin secara mingguan dan bulanan mengikut jadual yang dipersetujui dan akan dibayar sebanyak RM1,712.00 per kilometer (jalan raya dan lorong motorsikal). Bagi kerja berkala (pavemen dan bukan pavemen), konsesi hanya akan menjalankan kerja tersebut apabila Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan dan arahan kerja dikeluarkan.
- c) Jika pihak konsesi gagal untuk melaksanakan kerja selenggara atau kualiti kerjanya adalah kurang memuaskan, pihak JKR akan mengeluarkan *Non Comformance Report* (NCR) dan konsesi diberi tempoh dua minggu untuk

menyelesaikannya. Jika konsesi gagal, maka JKR akan memotong bayaran mengikut NCR yang dikeluarkan. Pihak JKR juga boleh melantik pihak ketiga untuk menyempurnakan kerja tersebut jika pihak konsesi gagal melaksanakannya. Bagi mengawal kualiti kerja, *Customer Satisfactory Index* (CSI) dilaksanakan untuk menilai prestasi konsesi secara keseluruhan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA BERISIKO

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Program Pembangunan Belia Berisiko yang dilaksanakan sejak tahun 2019 mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan belia di Selangor terlibat dengan pelbagai aktiviti yang sihat. Bagi mendekati golongan belia yang diklasifikasikan sebagai belia berisiko, Kerajaan Negeri melalui Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) telah melaksanakan program-program seperti berikut :-
- i. Program Konvensyen Fiqh merupakan Ummah-Kolokium Intelektual Muda dan Sejarawan Awam
Konvensyen Fiqh merupakan salah satu majlis ilmu yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat terutama umat Islam dan memberi peluang pada intelektual muda dan pengkaji sejarawan Islam di Malaysia khususnya Negeri Selangor.
 - ii. Program Pendidikan Pencegahan Dadah
Impak dari Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan minat para pelajar tentang memerangi, mencegah dan menyampaikan bahaya penyalahgunaan najis dadah di kalangan rakan sebaya juga masyarakat setempat.
 - iii. Program Bebas Dadah dan Ceramah Antidadah SJKT Vivenakanda dengan kerjasama PEMADAM Petaling
Program itu dapat membantu masyarakat setempat dan belia serta golongan B40 yang menjadi kawasan sasaran dan berisiko tinggi untuk mengenali penyalahgunaan dadah bagi masyarakat bermaklumat dan cara-cara terbaru pengedaran dadah di kawasan setempat.
 - iv. Program Fun Run @ Tersang dan Sembang Santai bersama Persatuan Pengasih Malaysia
Melalui program ini, PEMADAM dapat menambah keahlian Kelab Mahasiswa PEMADAM peringkat IPTA/IPTS dan memberikan

maklumat terus kepada para pelajar serta tenaga pengajar tentang maklumat bahaya najis dadah.

- v. Program-program sosial bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/NGO
Memberi maklum terus kepada NGO-NGO tentang peranan dan kerjasama yang erat bagi melaksanakan program-program bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan NGO.
- vi. Program Terapi Minda (Serlahkan Aura Dalamamu)
Program ini dianjurkan bertujuan untuk menguatkan pemikiran ke arah yang lebih positif dan berani untuk menghadapi cabaran yang mendatang.
- vii. Program "Bicara Eksekutif Maqasid Syariah" Peringkat Negeri Selangor 2019
Program ini bertujuan untuk memberikan pemahaman berhubung Maqasid Syariah kepada masyarakat dan NGO dengan memasukkan elemen pencegahan berkaitan najis dadah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KES KEGANASAN RUMAH TANGGA

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut DUN sejak tahun 2019.
- b) Senaraikan usaha Kerajaan Negeri bersama agensi yang relevan dalam menangani isu keganasan rumah tangga.

JAWAPAN:

POLIS DIRAJA MALAYSIA

- a) Statistik kes keganasan rumah tangga mengikut daerah kontinjen Selangor (Jan-Jun 2019)

Bil	Daerah	Jumlah kes
1	Petaling Jaya	94
2	Subang Jaya	27
3	Klang Selatan	26
4	Klang Utara	23
5	Shah Alam	19
6	Kajang	95
7	Ampang Jaya	19
8	Gombak	51
9	Kuala Selangor	19
10	Hulu Selangor	43
11	Kuala Langat	36
12	Sabak Bernam	24
13	Sepang	30
14	Serdang	22
15	Sungai Buloh	22
16	KLIA	1
	JUMLAH	551

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga 30 Jun 2019, terdapat sebanyak 91 kes keganasan rumah tangga yang telah direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Pecahan kes mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut:

DUN		JUMLAH KES	DUN		JUMLAH KES
N01	Sungai Air Tawar	-	N30	Kinrara	-
N02	Sabak	1	N31	Subang Jaya	5
N03	Sungai Panjang	-	N32	Seri Setia	10
N04	Sekinchan	-	N33	Taman Medan	2
N05	Hulu Bernam	-	N34	Bukit Gasing	1
N06	Kuala Kubu Baharu	-	N35	Kampung Tunku	-
N07	Batang Kali	3	N36	Bandar Utama	5
N08	Sungai Burong	-	N37	Bukit Lanjan	3
N09	Permatang	-	N38	Paya Jaras	1
N10	Bukit Melawati	-	N39	Kota Damansara	5
N11	Ijok	-	N40	Kota Anggerik	3
N12	Jeram	1	N41	Batu Tiga	-
N13	Kuang	-	N42	Meru	4
N14	Rawang	2	N43	Sementa	5
N15	Taman Templer	2	N44	Selat Klang	-
N16	Sungai Tua	-	N45	Bandar Baru Klang	-
N17	Gombak Setia	1	N46	Pelabuhan Klang	1
N18	Hulu Kelang	1	N47	Pandamaran	-
N19	Bukit Antarabangsa	1	N48	Sentosa	-
N20	Lembah Jaya	1	N49	Sungai Kandis	8
N21	Pandan Indah	3	N50	Kota Kemuning	-
N22	Teratai	-	N51	Sijangkang	1
N23	Dusun Tua	1	N52	Banting	1
N24	Semenyih	-	N53	Morib	-
N25	Kajang	3	N54	Tanjung Sepat	-
N26	Sungai Ramal	-	N55	Dengkil	-
N27	Balakong	3	N56	Sungai Pelek	-
N28	Seri Kembangan	-		Luar Negeri	13
N29	Seri Serdang	-		JUMLAH	91

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama agensi teknikal lain bagi menangani isu keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:
- 1) Menganjurkan program yang berbentuk advokasi kepada agensi-agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan wanita dan keluarga, suri rumah dan golongan wanita. Tujuan program advokasi ini adalah untuk memberikan kesedaran terhadap hak-hak mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017). Antara program usaha sama pihak Jabatan bersama agensi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut;
 - a. Forum Wanita dan Perundangan anjuran Institut Wanita Berdaya pada 8 Mac 2019;
 - b. Forum Wanita dan Keluarga anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Zon 6, Majlis Bandaraya Shah Alam pada 21 April 2019;
 - c. Seminar berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017) anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor pada 2 Mei 2019.
 - 2) Mengadakan Mesyuarat Inter Agensi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada 11 Mac 2019 bagi membincangkan isu keganasan rumah tangga yang melibatkan agensi lain yang berkaitan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital, Jabatan Kecemasan Hospital, Mahkamah Majistret, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), Seksyen Sektor Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan *Woman Aid Organization* (WAO); dan
 - 3) Penyertaan pameran-pameran yang menyalurkan maklumat oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di dalam Program 3W (Wellness, Welfare and Women) anjuran Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan keluarga yang diadakan setiap bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : MENGHADAPI CABARAN MASYARAKAT MENUA

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah unjuran populasi warga emas di Negeri Selangor mengikut DUN?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran masyarakat menua?
- c) Senaraikan program kebajikan Kerajaan Negeri khas untuk warga emas.

JAWAPAN:

- a) Hasil data yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor, unjuran warga emas di Negeri Selangor bagi tahun 2019 adalah seramai 595.7 ribu orang. Sebagai rekod, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor hanya mempunyai statistik penduduk warga emas mengikut jantina seperti di Lampiran 1.
- b) Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri Selangor yang telah dilantik oleh Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada 1 Mac 2019, jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan 10 buah agensi tetap di peringkat Negeri Selangor, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Daerah/ Ketua Penolong Pegawai Daerah Negeri Selangor beserta jabatan-jabatan yang berkaitan untuk memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara di negeri ini dapat direalisasikan secara berkesan.

Antara program yang boleh dilaksanakan adalah:

- 1. Promosi dan Advokasi - Objektifnya adalah untuk membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua. Strategi yang boleh dilaksanakan adalah meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran individu, keluarga dan masyarakat mengenai warga emas dan isu penuaan. Antaranya adalah Kursus/ Ceramah mengenai penuaan/ penjagaan kesihatan dan Bulan Sambutan Warga Emas di peringkat negeri.

2. Pembelajaran Sepanjang Hayat - Objektifnya adalah untuk memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat. Strategi yang boleh dilaksanakan adalah pembangunan kapasiti untuk menjayakan program pembelajaran sepanjang hayat. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah penyediaan peluang pembelajaran dalam bidang Senaman Warga Emas.
3. Keselamatan dan Perlindungan - Objektifnya adalah untuk menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi. Strategi yang dilaksanakan adalah memantapkan tadbir urus insan (human governance) melalui strategi Town Hall Warga Emas yang memberi peluang kepada warga emas untuk menyalurkan maklumat/ idea/ input tentang keperluan dan kehendak warga emas.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedar bahawa bakal berhadapan dengan populasi warga emas yang melebar dengan pesat. Sehubungan itu, bagi memastikan tahap kehidupan warga emas lebih terjamin, pemaju bagi setiap projek pembangunan baru di setiap Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan ruang sekitar 1,200 kaki persegi yang akan dibangunkan sebagai Pusat Komuniti Warga Emas di Negeri Selangor.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) iaitu Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dikendalikan oleh Rangkaian Mesra Sdn Bhd khusus kepada golongan warga emas. Program SMUE ini telah ditambahbaik dengan pemberian manfaat semasa hidup kepada warga emas yang berdaftar sebanyak RM100.00 setahun dalam bentuk baucer Jom Shopping. Sehingga kini terdapat seramai 195,526 orang warga emas telah berdaftar. Jumlah ini dijangka akan meningkat selaras dengan pertambahan bilangan warga emas di Negeri Selangor.

Selain itu melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan, pelbagai program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Di antaranya adalah Program Intergenerasi Warga Emas Bersama Golongan Kanak-kanak Dan Remaja di dua buah daerah yang menggabungkan ketiga-tiga golongan ini bagi meningkatkan kesedaran dan memberikan ilmu pengetahuan berkaitan dengan fenomena penuaan yang berlaku di Malaysia disamping mengeratkan dan merapatkan hubungan antara generasi muda dan tua.

Selain itu juga Kerajaan Negeri bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan program menyantuni golongan warga emas dengan memberi ruang golongan ini beriadah dan melakukan aktiviti rekreasi dengan selesa di ruang yang telah disediakan iaitu di Kompleks 3K Subang Jaya.

Program ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada warga emas untuk memanfaatkan masa lapang mereka dan memberi galakan supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti program kerohanian, sukan-sukan *indoor* dan lain-lain.

Manakala melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bersama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang terdapat di 8 daerah dengan menyediakan pelbagai aktiviti dan sebagai tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROMOSI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program promosi pelancongan Negeri Selangor dan perbelanjaannya dari bulan Januari hingga Jun 2019.
- b) Senaraikan rancangan pelancongan dalam Negeri Selangor mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) Senarai program promosi pelancongan Negeri Selangor dan perbelanjaannya dari bulan Januari hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:-

i) PROGRAM PROMOSI LUAR NEGARA

BIL	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1	ATF (Vietnam)	16-18 Januari 2019	39,094.10
2	SATTE (India)	16-18 Januari 2019	14,503.90
3	Suzhou International Travel Fair	7-13 Mac 2019	7,616.25
4	ITB (Berlin)	6-10 Mac 2019	233,783.03
5	ATM (Dubai)	28 April – 2 Mei 2019	68,839.00
6	Road Show To Jepun 2.0	23-29 Mac 2019	112,917.97
JUMLAH			476,754.25

ii) **SIRI PROMOSI DALAM NEGARA**

BIL	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1	MATTA Fair Mac 2019	15-17 Mac 2019	90,210.00
2	MITA Tourism Carnival	29-31 Mac 2019	32,580.95
3	Squad Kembara Sekolah	17 April 2019	2,517.70
JUMLAH			125,305.65

Jumlah perbelanjaan program promosi pelancongan Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak RM602,305.65

- b) Perancangan dan peruntukan menaik taraf produk-produk pelancongan khusus mengikut DUN adalah bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Daerah/ Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **RM1.5 juta** bagi tujuan menaik taraf produk pelancongan di dalam Negeri Selangor dan **RM3.5 juta** untuk program dan aktiviti promosi pelancongan termasuk dalam membangunkan dan mempromosikan industri pelancongan di kawasan luar bandar yang berpotensi dibangunkan menjadi pusat tarikan pelancong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme penilaian keberkesanan Kempen Bebas Plastik Selangor? Senaraikan kaedah penilaian dan sebarang KPI.
- b) Senaraikan program-program kesedaran dan kos perbelanjaan yang telah dilaksanakan sejak Januari 2019 mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan beberapa kajian Sikap Penerimaan Kempen Beg Plastik di Negeri Selangor pada tahun 2014, tahun 2017 dan tahun 2018 bagi mendapatkan maklumat berkaitan keberkesanan kempen yang telah dijalankan berdasarkan survey terhadap responden yang dipilih dalam kalangan rakyat di seluruh negeri Selangor.

Hasil kajian tersebut mendapati sebanyak 93% responden bersetuju dan sedar dengan penyertaan kepada kempen ini akan membantu dan menyelamatkan alam sekitar. Selain itu, 79% responden telah kerap membawa beg sendiri ketika membeli-belah setelah kempen ini dilancarkan. Seterusnya, sebanyak 69% responden berpendapat bahawa caj 20 sen yang dikenakan kepada pengguna yang menggunakan beg plastik adalah wajar. Selain itu, hasil dari kajian yang telah dijalankan juga mendapati sebanyak 76% responden tidak merasa terbeban dengan kempen ini dan 66% responden berpuas hati dengan pelaksanaan kempen ini. Ini menunjukkan kesan positif ke atas penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap caj 20 sen yang dikenakan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna sentiasa komited dalam melaksanakan program-program kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai berkaitan hal ehwal Pengguna. Melalui program Bazar Ramadhan Mampan, pelbagai kempen-kempen kesedaran dapat disampaikan melalui program tersebut seperti kempen Bebas Plastik dan Polistirena, Bebas Straw Plastik dan Kempen Kutipan Minyak Masak Terpakai. Program ini telah dijalankan melalui dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap daerah di Negeri Selangor di bawah pentadbiran PBT masing-masing dengan kos pelaksanaan sebanyak RM10,000.00 bagi setiap PBT. Selain itu, setiap PBT juga diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk

melaksanakan program Karnival Kepenggunaan yang dijangka akan dilaksanakan pada separuh tahun kedua tahun 2019 di kawasan pentadbiran PBT masing-masing.

Pada masa yang sama, pihak Kerajaan Negeri juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor (KPDNHEP), pihak sekolah, persatuan/ NGO dan Gerakan Pengguna Daerah di Negeri Selangor bagi pelaksanaan program-program berkaitan hal ehwal pengguna termasuklah program Karnival Kepenggunaan Siswa Selangor 2019 dan Program Kesedaran Kepenggunaan & *'No Straw'* dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM20,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : STATUS TANAH

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan tanah PN8623 Lot49365 Mukim Petaling yang telah disatukan dengan PM130 Lot37563 Mukim Damansara, apakah status terkini selepas pengeluaran surat kelulusan dan Borang 5A pada 5 Mac 2019?

JAWAPAN:

- a) Pemohon telah mengemukakan rayuan untuk menukar tempoh pajakan tanah berkenaan daripada 99 tahun kepada 78 tahun sahaja. Permohonan ini sedang dalam proses penyediaan Kertas Pertimbangan bagi kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PERMOHONAN PEMBATALAN PERWARTAAAN SEBAHAGIAN TANAH
RIZAB DAN PENGGANTIAN KAWASAN LAPANG**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini permohonan pembatalan pewartaan sebahagian tanah rizab kawasan lapang seluas 0.46 ekar yang telah diambil bagi tujuan kegunaan awam sebagai tapak tambahan rumah ibadat bukan Islam di Jalan PJS 7/13 dan penggantian kawasan lapang di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681 (PN17395) Mukim Damansara Daerah Petaling?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling telah menerima permohonan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) bertarikh 2 Julai 2009 di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN). Pembatalan ini melibatkan Lot 38163 di Jalan PJS 7/13, Bandar Sunway, Daerah Petaling seluas 8,442 meter persegi bagi tujuan kawasan lapang. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling telah mengemukakan kertas untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri pada 1 November 2018 dan perkara tersebut sedang diproses.

MPSJ telah memutuskan untuk menggantikan tapak kawasan lapang tersebut di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681, Mukim Damansara, Daerah Petaling. Proses penggantian tersebut akan diproses setelah proses pembatalan warta tersebut selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : IKLAN AH LONG

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kos yang dibelanja oleh setiap Majlis untuk membersihkan *sticker* dan menanggal iklan ah long setiap tahun.
- b) Sila nyatakan kos untuk mengecat *anti-stick paint* atau *anti graffiti paint* atas semua tiang jalan dan papan tanda untuk semua Majlis bagi mengelakkan iklan ah long dilekat atau digantung.
- c) Sila nyatakan daripada (a) dan (b), dari segi penilaian kos, usaha yang mana lebih berkesan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut adalah perbandingan kos yang telah dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membasmi iklan ah long haram di kawasan masing-masing.

PBT	KOS MEMBERSIHKAN STICKER DAN IKLAN AH LONG (RM)	KOS MENGECAT ANTI STICK PAINT/ ANTI GRAFFITY PAINT (RM)
MBSA	143,000.00	100 per unit
MBPJ	1,860,645.12	61,413.00
MPK	9,176.00	-
MPAJ	22,000,000.00	20,000.00
MPSJ	162,000.00	-
MPS	6.00 – 7.00	45.00 – 50.00 per unit
MPKJ	Telah termasuk dalam kontrak pembersihan KDEBWM	-
MPSp	Tiada peruntukan	-
MDKL	Tiada peruntukan	-
MDHS	400,800.00	-
MDKS	Tiada peruntukan	150,000.00
MDSB	Tiada peruntukan	-

- c) Secara umumnya, kos menanggalkan atau menurunkan iklan ah long adalah lebih murah berbanding mengecat menggunakan *anti-stick paint*. Mengecat menggunakan *anti-stick paint* menyebabkan pengurangan cahaya 60% pantulan cahaya pada permukaan papantanda dan papantanda perlu diselenggara setiap tahun untuk mngekalkan keberkesanan *anti-stick*. Sebagai contoh, dengan menggunakan cat *anti-stick* pada permukaan papan tanda dianggarkan boleh bertahan sehingga 6 bulan untuk pelaksanaan semula kerja-kerja mengecat *anti-stick* tersebut. Manakala bagi kaedah kerja-kerja pembersihan pula, perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali dlm tempoh sebulan. Bagi pelaksanaan mengikut kerja-kerja pembersihan (menanggalkan menurunkan) memerlukan pemantauan secara berkala yang lebih kerap.

Kesimpulannya, untuk jangka masa panjang, dengan menggunakan cat *anti-stick* dapat memberi penjimatan yang lebih daripada pelaksanaan kerja-kerja pembersihan secara berkala. dengan penggunaan cat *anti stick* akan memberikan pelaksanaan yang lebih efektif berbanding kaedah secara pembersihan secara berkala. Walau bagaimanapun, setiap PBT menggunakan pendekatan yang berbeza dan setiap kawasan mempunyai situasi yang berbeza.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENYELENGARAAN TAMAN PERMAINAN

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh MPSJ untuk mengatasi masalah penyelenggaraan taman permainan yang tidak memuaskan.

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang akan diambil oleh MPSJ untuk mengatasi masalah penyelenggaraan taman permainan yang tidak memuaskan adalah seperti yang berikut:
- i) Pihak Majlis memberikan bajet tambahan dan penjualan semula sebut harga untuk kerja-kerja pembersihan taman.
 - ii) Pihak Majlis telah meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja kontraktor yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TERBENGGALAI

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah pembangunan terbengkalai di sebelah Damen antara Persiaran Subang Permai dan Persiaran Subang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, masalah pembangunan terbengkalai berhampiran Damen antara Persiaran Subang Permai dan Persiaran Subang merupakan projek perumahan di bawah Syarikat Perumahan Chinion Sdn Bhd (pemaju) yang telah digulungkan pada 25 Januari 2012. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai Perumahan Chinion ini melalui beberapa siri perbincangan yang telah diadakan sejak tahun 2012 seperti berikut:
- i. Mewujudkan Jawatankuasa Projek Terbengkalai Dan Bermasalah serta Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah di peringkat MPSJ bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai tersebut.
 - ii. MPSJ turut mengadakan perbincangan dengan semua Jabatan Teknikal seperti Pejabat Tanah Dan Daerah (PTD), Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS), pemaju serta pelekuidasi bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai terbabit. Walau bagaimanapun, tiada jalan penyelesaian dan kerjasama diberikan oleh Pelekuidasi dan pemaju.
 - iii. PTD juga dicadangkan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas tanah pembangunan tersebut selaras peruntukan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu kegagalan membayar cukai tanah. Tindakan perampasan tidak dapat dilaksanakan PTD kerana pemaju membayar cukai tanah setiap tahun.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGUATKUASAAN SHIFT MALAM

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan anggota penguatkuasa untuk shift malam bagi setiap Majlis.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan anggota penguatkuasa di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

PBT	Jumlah anggota penguatkuasa	Jumlah anggota untuk shift malam	Bilangan shift
MBSA	273	59	<p>4 shift</p> <p>Seksyen Operasi</p> <p>Shift Petang – 3.00 Petang Hingga 12.00 Malam</p> <p>Seksyen Gerakan PANTAS</p> <p>Shift 1 – 12.00 Malam Hingga 8.00 Pagi</p> <p>Shift 2 – 8.00 Pagi Hingga 4.00 Petang</p> <p>Shift 3 – 4.00 petang hingga 12.00 malam</p>
MBPJ	384	74	<p>Seksyen Operasi</p> <p>Shift Petang – 3.00 Petang Hingga 12.00 Malam</p> <p>Seksyen CCTV</p> <p>Shift 1 – 12.00 Malam Hingga 8.00 Pagi</p> <p>Shift 2 – 8.00 Pagi Hingga 4.00 Petang</p>

PBT	Jumlah anggota penguatkuasa	Jumlah anggota untuk shift malam	Bilangan shift
			Shift 3 – 4.00 Petang Hingga 12.00 Malam.
MPK	377		Unit Operasi 2 shift Unit Kawalan dan PANTAS 3 shift
MPAJ	190	36	3 shift Shift 1 - 8.00 AM - 5.00 PM Shift 2 - 3.00 PM - 12.00 AM Shift 3 - 12.00 AM - 9.00 AM
MPSJ	265	44	2 shift 2.30ptg – 11.30mlm
MPS	146	7	1 shift
MPKJ	124		Tiada shift
MPSp	107	16	2 shift
MDKL	52	4	1 shift
MDHS	57		Tiada shift
MDKS	61	5	2 shift
MDSB	34	3	2 shift

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KOS KOLAM TADAHAN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kos kolam tadahan yang dicadangkan untuk dibina di sebelah Jalan Industri USJ 1/15.

JAWAPAN:

- a) Anggaran Kos Kolam Tadahan yang diperlukan bagi cadangan pembinaan kolam dan penaiktarafan saliran di sebelah Jalan Industri USJ 1/15 adalah sebanyak RM8 Juta. Komponen kerja-kerja yang terlibat adalah diperincikan seperti berikut :

BIL.	SKOP KERJA	ANGGARAN KOS
i.	Perkhidmatan Perunding Bagi Rekabentuk, Kerja-kerja Ukur dan Utility Detection Mapping (UDM).	RM500,000.00
ii.	Kerja-kerja Pengalihan Utiliti	RM500,000.00
i.	Kerja-kerja Pembinaan Kolam Takungan	RM1,000,000.00
ii.	Kerja-kerja Pemasangan Pam dan Infrastruktur Rumah Pam	RM4,000,000.00
iii.	Kerja-kerja Naiktaraf Bagi Sistem Parit Dalam	RM2,000,000.00
	JUMLAH	<u>RM8,000,000.00</u>

Kajian awal mendapati lokasi yang dicadangkan tidak sesuai digunakan sebagai kolam takungan banjir kerana kawasan berkenaan berada di tempat tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah ibu tunggal yang telah mendaftarkan diri di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 17 Julai 2019 seramai 18,862 orang ibu tunggal telah didaftarkan di bawah sistem pendaftaran Ibu Tunggal yang dikendalikan oleh YAWAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : TANAH YANG AKAN DISERAH BALIK KEPADA KERAJAAN SELEPAS
PROJEK PEMBENTUNGAN LANGAT DISIAPKAN**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dimaklumkan bahawa sebahagian loji rawatan kumbahan yang digunakan sekarang akan ditutup dan tanah yang terlibat akan diserahkan balik kepada Kerajaan selepas Projek Pembentungan Langat disiapkan. Apakah butiran tentang tanah yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) Projek Pembentungan Langat yang dibina dengan keluasan tanah 7.3 Hektar adalah bertujuan untuk merasionalisasikan 164 loji rawatan kumbahan dan pam stesen sedia ada yang kecil dan tidak efisien kepada satu loji rawatan kumbahan berpusat yang dapat meningkatkan taraf kualiti air kumbahan terawat disamping mengurangkan pencemaran ke dalam aliran sungai terutama ke Sungai Langat.

Bilangan loji pembentungan di sekitar Cheras Batu 11, Desa Baiduri, Cheras Jaya, Kajang 1 dan Kajang 3 termasuk Penjara Kajang adalah sebanyak 142. Pecahan bilangan tersebut adalah seperti jadual di bawah :

Bil.	Bil. Loji	Tanah Kerajaan	Tanah Milik				Jumlah	Tanah Rizab	
			Individu/Syarikat	PBT	PTP	Agensi Kerajaan		PTP	SUK
1	142	2	9	0	2	0	11	129	0
	142	2	9	0	2	0	11	129	0

Nota ;

PBT : Pihak Berkuasa Tempatan

PTP : Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

SUK : Setiausaha Kerajaan Negeri

Bagi tujuan proses penyerahan semula kepada Kerajaan Negeri, perkara ini perlulah dirujuk kepada pemilik tanah bagi tanah milik dan Pengawai Pengawal bagi tanah yang telah dirizabkan melalui Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 sebelum sebarang keputusan dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : SENARAI DAN JUMLAH GLC, BADAN BERKANUN KERAJAAN
NEGERI**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan senarai penuh jumlah Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) yang dimiliki penuh dan sebahagian, dan juga syarikat yang dimiliki secara langsung dan tidak langsung oleh GLC Kerajaan Negeri ini. Sila juga lampirkan senarai pengarah syarikat ini dan tarikh pelantikan.
- b) Sila nyatakan jumlah Badan Berkanun Kerajaan Negeri dan senarai pengarah dan tarikh pelantikan.

JAWAPAN:

a)

Nama Syarikat	Ahli Lembaga Pengarah	Tarikh Lantikan
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari	29/06/2018
	2. YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya	29/02/2016
	3. YB Dato' Nor Azmie bin Diron	01/01/2018
	4. YM Raja Shahreen bin Raja Othman	06/09/2016
	5. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	06/09/2016
	6. Tuan Dr. Mohd Zulkufli bin Zakaria	22/04/2019

ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI

Bil	Nama Syarikat	Ahli Lembaga Pengarah	Tarikh Lantikan
1	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (Sila rujuk Lampiran 1)	1. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 2. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 3. YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman 4. YBhg Dato' Sri Haji Ahmad bin Omar 5. Encik Cheong Seng Gee 6. YM Raja Shahreen bin Raja	30/03/2017 19/10/2018 06/01/2010 11/04/2016 08/09/2011 23/12/2014

		Othman 7. Encik Soffan Affendi bin Aminudin 8. Encik Abdul Rahman bin Ishak	23/12/2014 15/02/2018
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (Sila rujuk Lampiran 2)	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YBhg Dato' Sri Haji Ahmad bin Omar 4. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 5. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	19/06/2018 22/01/2018 05/12/2009 17/12/2014 17/12/2014
3.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (Sila rujuk Lampiran 3)	1. Tuan Haji Mohd Zubir bin Idrus 2. Encik Ahmad Ashraf bin Asnan 3. Tuan Dr. Mohd Zulkufli bin Zakaria	31/12/2018 17/09/2015 25/04/2019
4.	Communication Corporation Sdn Bhd	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya 3. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 4. YM Raja Shahreen bin Raja Othman	29/06/2018 15/03/2016 30/01/2018 14/01/2016
5.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 4. YB Dato' Masri bin Mohd Daud 5. YB Datuk Dr. Hasan bin Bahrom 6. YBhg Prof (E) Dato' Ir Dr. Muhamad Zohadie bin Bardaie 7. YBhg Prof Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman	29/06/2018 05/02/2018 19/09/2018 12/12/2018 19/09/2018 03/09/2008 06/09/2016
6.	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	1. YBhg Tuan Haji Zamani Ahmad bin Mansor 2. YBhg Prof Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman 3. Puan Rahilah binti Rahmat 4. Puan Zannifa Azura binti Ahmad	08/04/2019 01/06/2016 07/11/2018 30/03/2017
7.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (Sila rujuk Lampiran 4)	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya 3. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 4. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman 5. YM Raja Shahreen bin Raja	29/06/2018 28/01/2016 29/01/2018 11/04/2011 05/01/2015

		Othman 6. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	05/01/2015
9.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	1. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 2. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 3. YB Puan Dr Daroyah binti Alwi	05/02/2018 25/05/2018 29/10/2014
10.	Yayasan Warisan Anak Selangor	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir 4. YBhg Puan Siti Khamnah binti Hashim	23/10/2018 05/02/2018 05/01/2011 04/10/2011
11.	Yayasan Hijrah Selangor	1. YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 4. YB Dato' Mansor bin Othman	18/08/2016 18/08/2016 23/01/2018 20/05/2015
12.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (Sila rujuk Lampiran 5)	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 4. Tuan Haji Mohd Zubir bin Idrus 5. Encik Ahmad Ashraf bin Asnan 6. Encik Mohd Sabri bin Md Shariff	14/11/2014 02/12/2015 27/11/2018 27/11/2018 01/04/2016 28/03/2019
13.	SRM Setia Sdn Bhd	1. YBhg Dato' Romzi Saat bin Din 2. Encik Muhammad Khalid bin Sidi Abdul Latiff 3. Puan Zannifa Azura binti Ahmad 4. Encik Ahmad Ashraf bin Asnan	29/03/2016 29/03/2016 29/03/2016 29/03/2016
14.	Darul Ehsan Investment Group Berhad (Sila rujuk Lampiran 6)	1. YAB Tuan Amirudin bin Shari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi 4. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 5. Tuan Dr. Mohd Zulkufli bin Zakaria	29/06/2018 22/04/2019 21/07/2015 05/06/2015 22/04/2019
15.	Tourism Selangor Sdn Bhd (Sila rujuk Lampiran 7)	1. YB Datuk Abdul Rashid bin Asari 2. YB Dato' Nor Azmie bin Diron 3. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	14/11/2018 15/03/2016 02/02/2018
16.	SMARTSEL Sdn Bhd	1. Tuan Haji Zamani Ahmad bin Mansor	15/03/2019

		2. Encik Daud bin Abd Rahman 3. Encik Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir	15/03/2017 15/03/2017
17.	Landasan Lumayan Sdn Bhd	1. YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim 2. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 3. Encik Syaiful Azmen bin Nordin 4. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah	26/10/2018 04/01/2017 04/01/2017 04/01/2017
18.	KDEB Waste Management Sdn Bhd (Sila rujuk Lampiran 8)	1. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 2. Encik Ramli bin Mohd Tahir 3. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah 4. Encik Syaiful Azmen bin Nordin	19/12/2017 17/03/2011 07/11/2016 07/11/2016
19.	SSDU Innovations Sdn Bhd	1. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 2. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah 3. Tuan Dr. Mohd Zulkufli bin Zakaria	14/03/2018 14/03/2018 10/05/2019

SYARIKAT BERSEKUTU DI BAWAH KUMPULAN MBI			
Bil	Nama Syarikat	Ahli Lembaga Pengarah	Tarikh Lantikan
1.	Yakin Telesel Sdn Bhd (30%)	1. YBhg Dato' Yeoh Seok Hong 2. YM Raja Shahreen bin Raja Othman 3. Encik Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir 4. Encik Chan Chor Yook 5. Encik Dominic Hua Shi Hao	25/04/2018 03/07/2018 03/07/2018 30/03/2018 08/06/2018

- b) Terdapat enam Badan Berkanun Negeri (BBN) yang di bawah tanggungjawab Pentadbiran Setiasuaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Perbadanan Kemajuan dan Pertanian Selangor (PKPS), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Berikut adalah senarai nama pengarah atau ketua pegawai eksekutif dan tarikh kuatkuasa pelantikan bagi BBN yang di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor:

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nama dan Jawatan	Tarikh kuatkuasa pelantikan
1.	PKNS	YBhg. Dato' Mohd Azizi Bin Mohd Zain, Ketua Pegawai Eksekutif	15.3.2019 - 1.12.2020
2.	PADAT	YBhg. Dato' Paiman Bin Keromo, Ketua Pegawai Eksekutif	1.11.2018 - 30.10.2019
3.	PKPS	Tuan Haji Tamby Omar Bin Mohammed, Pengurus Besar	1.7.2019 - 30.6.2020
4.	PPAS	Puan Mastura binti Haji Muhamad, Pengarah	1.5.2019 - 30.4.2021
5.	LPHS	Kosong berikutan daripada pemendekan tempoh peminjaman mantan Pengarah Eksekutif LPHS kuatkuasa pada 30 Jun 2019.	-
6.	LUAS	YBhg. Dato' Ir. Hashim bin Othman, Pengarah	1.6.2019 - 31.5.2021

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK DI KAWASAN SERI KEMBANGAN

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa projek/jumlah rumah mampu milik yang telah dibina dalam masa 3 tahun lepas?
- b) Berapa projek/jumlah rumah mampu milik yang akan dibina dalam masa 3 tahun yang akan datang? Sila nyatakan nama projek.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, masih tiada projek Rumah Selangorku yang dibina di kawasan DUN Seri Kembangan dalam tempoh 2016 hingga 2018. Walau bagaimanapun, terdapat **2 projek dengan 1,189 unit** Rumah Selangorku yang berhampiran dengan kawasan DUN tersebut di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) telah siap dibina berhampiran dengan kawasan tersebut dan perincian projek adalah seperti berikut:-

Bil	Pemaju / Lokasi	Jenis / Jumlah Unit	Tahun Siap Bina	Pihak Berkuasa Tempatan
1	Rumah Selangorku Jade Hills Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	714	2019	MPKj
2	Rumah Selangorku Pangsapuri D'Aplinia Taman D' Alpinia, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	472	2019	MPSp
Jumlah Keseluruhan		Jumlah : 1,186		

- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan sebanyak **30,317 unit (68 projek)** Rumah Selangorku untuk disiapkan secara berperingkat sehingga tahun 2023 (5 Tahun). Bagi kawasan yang berhampiran dengan DUN Seri Kembangan yang juga di bawah seliaan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSj), sebanyak 3,270 unit (3 projek) disasarkan siap dibina dalam tempoh masa 3 tahun. Perincian projek dan sasaran siap adalah seperti berikut:-

Bil	Pemaju / Lokasi	Jenis / Jumlah Unit	Tahun Sasaran Siap Bina
1	Leo Vista Sdn. Bhd. (Mitrajaya) Pangsapuri Akasia Taman Puchong Perdana, Daerah Petaling.	Jenis C : 408	2020
2	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd. GRN 57646 Lot 1333 Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong perdana, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Jenis B: 464 Jenis C: 464 Jenis D: 234 Jumlah : 1,162	2019
3	Sime Darby Putra Heights Development Sdn. Bhd. Hakmilik Lot 81255, Lot 81256, Lot 81275 & 81276 Di Putra Heights, Mukim Damansara, Daerah Petaling.	Jenis C: 700 Jenis D: 1000 Jumlah : 1,700	2021
Jumlah Keseluruhan		Jenis B : 464 Jenis C : 1,578 Jenis D : 1,234 Jumlah : 3,270	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KOS OPERASI BAS SMART SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos terperinci operasi Bas Smart Selangor untuk tahun 2018 dan tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Pembiayaan kos oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak RM800 sebuah bas sehari. Jumlah tersebut merangkumi kos penyewaaan, termasuk urusan pentadbiran seperti gaji pemandu dan sebagainya serta pengoperasian dan penyelenggaraan yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada syarikat operator yang dilantik.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi tempoh 2018 dan tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bil.	Peruntukan	Tahun 2018	Tahun 2019
1.	Kerajaan Negeri	RM17,859,306.00	RM18,145,717.20 (<i>data sehingga Jun 2019</i>)
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	RM8,302,652.00	RM10,111,420.00
	Jumlah	RM26,161,958.00	RM28,257137.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENJIMATAN

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon data penjimatan yang berjaya dilakukan dari segi perolehan Kerajaan Negeri dari tahun 2016 sehingga 2019.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada rekod, penjimatan Perolehan Kerajaan Negeri bagi perolehan tender dan sebut harga dari tahun 2016 sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak RM540,750,476.50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : RIZAB PBT BAGI TEMPOH 5 TAHUN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon data dan perincian jumlah rizab bagi setiap PBT di Negeri Selangor bagi tempoh lima tahun.

JAWAPAN:

- a) Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataaraan tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2014 hingga tahun 2018(belum diaudit) adalah seperti jadual berikut:

PBT	Rizab Tunai Tahun 2014 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2015 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2016 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2017 (RM JUTA)	Rizab Tunai Tahun 2018 (RM JUTA)
MBSA	370.84	401.13	454.81	303.35	356.64
MBPJ	415.17	411.21	360.08	98.43	31.08
MPK	28.86	82.89	176.15	90.34	113.82
MPAJ	92.87	107.91	90.73	36.37	27.00
MPSJ	128.49	102.52	120.70	(4.40)	(9.64)
MPS	44.77	70.52	150.54	29.87	37.01
MPKj	172.84	207.50	264.68	73.91	92.05
MPSP	133.04	192.29	250.40	177.14	222.82
MDKL	28.77	35.03	47.42	41.06	62.26
MDHS	16.32	43.88	56.83	56.26	58.13
MDKS	(8.05)	12.16	13.12	(64.55)	2.52
MDSB	9.40	5.58	4.85	1.18	0.35
JUMLAH	1,433.32	1,672.62	1,990.31	839.96	994.04